

UMS jadi tuan rumah majlis tauliah PALAPES

» IPT pertama di Borneo dipilih anjur istiadat tentera

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@mediaprima.com.my

► Kota Kinabalu

Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal mencatat sejarah sebagai institusi pengajian tinggi (IPT) pertama di Borneo menjadi tuan rumah Istiadat Pentauliahhan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), Sabtu ini.

Adat istiadat ketenteraan gilang-gemilang itu dijangka

disempurnakan Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang juga Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V, di Padang Kawad UMS.

Turut dijadualkan hadir, Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin; Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman dan Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin.

Acara tahunan itu memabitkan 24 kontinjen daripada 18 IPT termasuk Akademi Laut Malaysia yang kali pertama menyertai upacara berkenaan dengan 1,340 anggota PALAPES bakal ditauliahkan.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Mohd Harun Abdullah yang juga Komandan PALAPES Laut UMS, berkata pihaknya berbangga kerana UMS diberi penghormatan menjadi tuan

rumah upacara Istiadat Pentauliahhan PALAPES.

"Kita melakukan persediaan rapi dan mempelawa orang ramai menyaksikan majlis mengiktiraf serta menyampaikan watikah kepada anggota PALAPES yang mengakhiri latihan tiga tahun.

"Ia bakal menjadi kebanggaan semua pegawai muda sukarela apabila ditauliahkan dalam perbarisan sebagai pejuang keharmonian negara dan menerimanya daripada Sultan Muhammad V sambil disaksikan keluarga masing-masing.

"Saya harap anggota PALAPES yang ditauliahkan terus menabur bakti dalam memperjuangkan kesejahteraan Malaysia sebagai negara berdaulat menerusi pembabitkan aktif dalam bidang ketenteraan



Mohd Harun Abdullah

an atau pasukan simpanan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Ketua Staf Markas Tentera Darat, Mejar Jeneral Datuk Azizan Md Delin dan Panglima Latihan Tentera Darat, Mejar Jeneral Datuk Mazelan Kasap.

Sementara itu, Azizan berkata, anggota PALAPES yang tamat latihan boleh menganggotai pasukan tetap dan berkhidmat di pasukan hadapan selepas menamatkan pengajian jika mahu berbuat demikian.